

**KAJIAN PEMBANGUNAN SEMULA KAWASAN BEKAS LOMBONG
SEBAGAI KAWASAN REKREASI
KAJIAN KES : BIDOR, PERAK**

NORAZLINAWATI BINTI HAJI AHMAD

**Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah
Fakulti Seni Bina, Perancangan Dan Ukur
Institut Teknologi Mara
Shah Alam**

Mac 1998

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Jadual	iii
Senarai Rajah	iv

ISI KANDUNGAN

BAB 1	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Kenyataan Masalah	2
1.3	Tujuan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Pendekatan Kajian	5
1.6	Methodologi Kajian	5
1.7	Jadual Kerja	7
 BAB 2	 Kajian Teoritikal	 8
2.1	Pendahuluan	8
2.2	Sejarah Perlombongan Dan Perkembangannya	9
2.3	Dasar Dan Strategi Pembangunan Negeri Perak	12
2.4	Peruntukan Akta Berkaitan Dengan Pembangunan Di Atas Tanah Bekas Lombong	16
2.5	Dasar-Dasar Kerajaan Berkaitan Tanah Bekas Lombong	21

PENGHARGAAN

Syukur saya kehadiran illahi kerana dengan limpah dan iradatNya, saya akhirnya berjaya menyiapkan kajian akhir yang diwajibkan kepada semua pelajar tahun 3 semester 6 ini tepat pada waktu yang telah ditetapkan.

Pertama sekali, jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat kedua ibu dan ayah yang disayangi, Haji Ahmad b. Mat wali dan ~~ayah saya yang bernama Haji Ahmad~~ yang telah banyak memberikan dorongan dan galakan kepada saya selama ini untuk terus berjuang. Jasa ibu dan ayah tidak akan saya persiakan.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan khas buat pensyarah penyelia yang sangat dihormati dan disayangi, Prof. Madya Puan Noor Hadjar Bux di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar bagi menyempurnakan kajian akhir ini. Segala jasa baik Puan adalah amat saya hargai.

Selain itu juga, ucapan penghargaan ini adalah buat jabatan-jabatan kerajaan dan orang perseorangan yang terlibat samada secara langsung ataupun tidak dalam menjayakan kajian ini. Akhir sekali, terima kasih juga buat teman-teman seperjuangan dari Kursus Diploma Perancangan Bandar Dan Wilayah 06.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

Abstrak

Manusia telahpun mempunyai pelbagai jenis bentuk masa lapang sejak dari permulaan sejarah sehinggalah ke dewasa ini. Manusia di zaman dahulu tidak menghargai masa lapang, mereka asyik bekerja seharian oleh itu mereka hanya mempunyai sedikit sahaja masa untuk mengikuti kemahuan masa lapang mereka. Tetapi pada masa kini, kesemua sikap yang terdapat di zaman dahulu terhadap masa lapang telah banyak berubah. Iaitu di mana aktiviti-aktiviti masa lapang di satu masa dahulu tidak dihiraukan tetapi kini ianya telah mula diterima oleh semua lapisan masyarakat. Malahan ianya juga telah menjadi sebahagian daripada cara kehidupan mereka. Taman umpamanya adalah merupakan satu kawasan lapang yang senantiasa mewakili kehendak manusia untuk membawa kepada ciri-ciri kehidupan desa ke kota. Buat masa kini, permintaan terhadap taman telah meningkat dari masa ke semasa. Dalam menjadikan sebuah kawasan kolam bekas lombong sebagai taman rekreasi, biasanya ia memerlukan satu perancangan yang mendalam dan terperinci dalam perlaksanaannya. Kepesatan pembangunan yang dialami pada masa kini telah mengakibatkan penularan pembangunan ke arah kawasan-kawasan pinggir bandar. Ini adalah kerana tapak di kawasan bandar tidak lagi berupaya untuk menampung perkembangan pembangunan. Melihat akan prestasi dan juga prospek yang lembab didalam industri bijih timah maka, beberapa langkah telahpun diambil untuk memanfaatkan penggunaan kawasan-kawasan tanah bekas lombong ini ke arah penggunaan yang lebih ekonomik dan praktikal. Keadaan ini juga secara tidak langsung telah menyebabkan tanah-tanah bekas lombong menjadi alternatif tapak yang boleh dimajukan untuk cadangan pembangunan yang lebih seiring dengan permintaan pembangunan yang mendesak. Dengan adanya penawaran terhadap tanah-tanah bekas lombong ini sebagai tapak pembangunan beserta dengan insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan sebagai galakan, gunatanah bagi bekas lombong ini telah bertukar menjadi sebuah kawasan rekreasi, kediaman, perindustrian, perniagaan dan lain-lain lagi.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dengan kepesatan pembangunan yang berlaku di Negeri Perak dalam jangka masa yang singkat ini telah mengakibatkan berlakunya penularan pembangunan ke arah pinggir bandar kerana tidak terdapatnya lagi tapak di dalam kawasan bandar yang berupaya menampung akan perkembangan pembangunan. Secara tidak langsung, keadaan ini telah menyebabkan tanah-tanah di pinggir bandar telah menjadi tumpuan untuk dibangunkan.

Melalui kemajuan yang diperolehi didalam bidang teknologi melalui penggunaan teknik-teknik dan peralatan-peralatan terkini dan moden telah menjadikan tanah-tanah yang dahulunya tidak sesuai untuk dimajukan dapat diolah dan diperbaiki strukturnya agar dapat menjadikan tapak tersebut sesuai untuk cadangan pembangunan.

Penawaran tanah bekas lombong sebagai suatu tapak pembangunan berserta dengan pelbagai intensif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Perak sebagai suatu daya galakan, maka dengan keadaan ini gunatanah bekas lombong telah bertukar